

Melampaui sentimen serumpun

Oleh ZAINUDDIN MAIDIN

JIKA kita mahu maju ke hadapan, mencipta sejarah baru dalam hubungan Indonesia-Malaysia, kita mesti kembali menoleh ke belakang, melihat cermin sejarah untuk menjadi panduan, seperti kita memandu mobil, sesekali perlu melihat cermin belakang, cermin sisi (*side-mirror*) untuk mengelakkan bahaya dalam meluncur ke hadapan.

Hubungan Malaysia dan Indonesia telah melalui berbagai zaman. Zaman kenangan manis saya dalam hubungan ini ialah zaman kebangkitan yang penuh romantik, retorik dan emosi dalam arena politik, sastera dan budaya seawal tahun 1950-an.

Dari Zaman Sukarno yang meniupkan semangat Nusantara dan Maphilindo di Persidangan KRIS (Kesatuan Rakyat Istimewa Semenanjung), Taiping, Perak pada Ogos 1945 membawa kepada senandung Titek Puspita, Sam Saimon, Beng Selamat, Hasnah Taha, S. Effendi, Oslan Hussien, Arni Johan dan lain-lain. Dari *Bengawan Solo*, *Serunai Malam*, *Semalam di Malaya*, *Aryati*, *Di Wajahmu Ku Lihat Bulan*, *Sepasang Mata Bola*, *Tinggi Gunung Seribu Janji* dan lain-lain.

Sebagai wartawan dari usia muda, lebih mendalam perasaan saya kerana dari sejak awal tahun 50-an saya telah dihayati oleh novel-novel Pramoedya Ananta Toer, Sultan Takdir Ali Shahbana dan terutamanya Pak Hamka, mengenali dan membaca tulisan wartawan-wartawan besar Indonesia seperti Mokhtar Lubis dan Rosilhan Anwar. Saya telah mendengar ucapan ulang tahun hari kemerdekaan Indonesia oleh Presiden Sukarno menerusi radio Republik Indonesia hampir setiap tahun sehinggalah pada hari ucapannya diteriakkan Kicap! Kicap! Kicap!

Demikianlah dalam satu peringkat hubungan kedua-dua negara, tiupan retorik pemimpin politik Indonesia, nyanyian para senimannya, tulisan para sasterawan, wartawan-wartawannya serta ulama-ulamannya, telah memberikan sumbangan besar kepada jalinan hubungan mesra serumpun dan kepada pembangunan intelektual dan kesedaran kebangsaan, keagamaan dan antarabangsa di kalangan masyarakat Melayu Malaysia.

Lagu *Jumpa Mesra* nyanyian Allahyarham S. Effendi ketika lawatan rombongan pertama orkestra Indonesia di awal perhubungan kedua negara masih dinyanyikan di Malaysia sekalipun telah dilupakan di Indonesia.

Masa indah itu telah berlalu dalam lipatan sejarah, mimpi tidak menjadi realiti, nyanyian Nusantara berkemuncak dengan konfrontasi, peredaran politik antarabangsa pada ketika-ketika memisahkan kita. Dalam perang dingin yang memuncak di awal 60-an, Malaysia tetap memilih untuk berada di kanan dan Indonesia berada di kiri. Kesinambungan dasar dari sejak Malaya Merdeka.

Dari awal kemerdekaan, Malaysia percaya kepada kapitalisme dan pasaran bebas dan kerana itu menolak 'Gagasan Nusantara' yang bersifat jingoisme dan tertutup. Pengaruh politik kepemimpinan Malaysia yang pro-Barat telah berjaya mempengaruhi rakyat menerusi proses demokrasi mengalahkan golongan para pejuang yang pro-Indonesia di Malaysia yang lebih percaya kepada demokrasi terpimpin.

Kegagalan konfrontasi pada tahun 1965 telah menukarkan tragedi menjadi sesuatu peluang yang membawa satu perubahan sosiopolitik dan ekonomi di Indonesia yang membuka jalan ke arah hubungan yang lebih realistik antara Malaysia-Indonesia dan dengan itu mengesahkan jalan kanan yang di pilih oleh Malaya dan Malaysia dari awal kemerdekaan. Ia membawa kepada persamaan dalam pendekatan ekonomi antara kedua negara sekalipun perwatakan politik masih berbeza.

Dalam zaman keretakan hubungan pun antara kedua negara, perasaan serumpun rakyat Malaysia terhadap Indonesia tidak pernah terputus. Lagu-lagu Indonesia terus dijiwai oleh rakyat Malaysia. Mendalamnya ikatan ini dapat dirasai apabila, dalam majlis perkahwinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini, sebahagian besar lagu yang didendangkan termasuk oleh Perdana Menteri sendiri, Timbalan Perdana Menteri dan lain-lain menteri adalah lagu kenangan Indonesia (*evergreen*). Sekarang ini pula lagu-lagu popular Indonesia seperti *My Heart*, *Pecinta Wanita*, *Jujur*, *Love is Cinta* dinyanyikan oleh anak-anak kecil dan juga anak-anak muda di Malaysia. Kumpulan-kumpulan popular Indonesia seperti Dewa, Radja, Sheila On 7 dan lain-lain lagi juga terkenal di Malaysia.

Seni tidak pernah ada sempadan. Lagu dan irama yang datang dari jiwa tidak boleh memusnahkan perasaan manusia, melampaui Selat Melaka, melampaui batas dunia apatah lagi jika lagu ini difahami liriknya. Di Indonesia pula khabarnya perkahwinan Siti Nurhaliza juga dimarahi oleh wanita-wanita dan ditangani oleh lelaki dari Sumatera hingga ke Bali.

Sesungguhnya perspektif sejarah telah mel-

nampakkan, krisis hubungan Malaysia-Indonesia dari semasa ke semasa adalah kerana campur tangan politik asing. Dari politik Nusantara sehingga sekarang kepada perjuangan "Jemaah Islamiah Nusantara". Bezanya dahulu didukung dan disokong oleh pemerintah Indonesia, tetapi sekarang Malaysia dan Indonesia bersatu untuk memerangi musuh bersama.

Pada suatu masa pihak Indonesia pernah mempunyai sayap kelimanya di Malaysia dan ada pemimpin politik di Malaysia yang menjemput orang politik Indonesia mencampuri urusan politik Malaysia. Umpamanya, Anwar Ibrahim yang tersingkir daripada UMNO, mahu membawa reformasi Indonesia ke Malaysia dalam masa krisis kepimpinan Malaysia di tahun 1998. Terdapat seorang dua pemimpin dan wartawan Indonesia yang menunjukkan sokongan kepadanya seperti yang ditunjukkan oleh 'Vice President' Amerika Syarikat, Al-Gore yang melawat Malaysia ketika itu. Al-Gore yang buta politik Malaysia menghantar rakyat Malaysia supaya turut melancarkan reformasi. Anwar yang mahu meniru reformasi Indonesia bukanlah darah daging sejati UMNO.

Maka itu dia tidak dapat melihat reformasi Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak menerusi 'affirmative action' Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971. Maka itu dia mahu meniru reformasi.

Perwatakan

Sejarah telah membuktikan sejak dari zaman Majapahit bahawa hubungan Semenanjung Tanah Melayu-Indonesia atas keyakinan sebagai satu rumpun adalah amat rapuh, tercabar dan terungki dari semasa ke semasa kerana perbezaan nilai, budaya politik dan perwatakan bangsa. Ia ibarat gigi dengan lidah yang mana sesekali gigi akan tergigit lidah.

Pembudayaan bangsa Indonesia berteraskan kepada nilai-nilai revolusi tetapi Malaysia mengambil jalan lain untuk kemerdekaan dan terus berpegang kepada evolusi dalam pembinaan bangsa dan negara.

Kami menangani anasir-anasir ekstremisme dan revolusionisme yang cuba dieksport dari luar dengan tindakan bersifat 'fight fire with water'. Kekejaman adalah jalan paling terakhir. Darah tidak semestinya dibayar dengan darah.

Politik Malaysia mengajar rakyat berkompromi, bertoleransi, dan bertindak secara evolusi. Apabila teretus rusuhan kaum yang pertama di Malaysia pada Mei 1969 yang dianggap sebagai tragedi hitam dalam sejarah, pemimpin Parti Islam Malaysia (Pas) menyeru supaya dirampas harta orang Cina tetapi Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman menyatakan dalam satu wawancara dengan saya, "ini kerja gila, orang mengumpul harta dengan usaha bertahun, kita mahu kaya dengan merampasnya dalam sehari."

Apabila dalam masa kekacauan itu Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak didesak oleh pelampau ekstremis Melayu supaya mengambil alih jawatan dari Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak berkata: "Itu bukan cara orang Melayu."

Kejayaan Malaysia hari ini adalah kerana dari awal lagi berasaskan kepada *moderation* dan *globalization* dengan mengamalkan dasar pintu terbuka.


Sekalipun globalisasi baru diperkatakan sekarang tetapi hakikatnya rakyat Malaysia telah menerima cara hidup dan nilainya sejak kemerdekaan. Dalam era globalisasi, kita tidak dapat lari daripada menghadapi pengaruh luar dalam bentuk sosiobudaya ekonomi dan politik tetapi kita mesti bijak untuk mengenali antara globalisasi dan 'Amerikanisme', antara kepentingan negara dan kepentingan syarikat perniagaan atau individu.

Tanpa kekuatan dan ketahanan diri, pemimpin dan media kedua-dua negara akan mudah menjadi alat atau diperalatkan orang sehingga membawa kesan negatif kepada hubungan kedua negara.

Kesedaran ini menjadi lebih penting sekarang kerana hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia, secara rasminya telah mencapai angka penuh kematangan 50 tahun pada tahun 2007 ini. Sekarang seharusnya kedua-dua bangsa kita yang berakar umbi dari satu rumpun Melayu menjadi lebih matang dan lebih bijak dalam mencari penyelesaian atas masalah yang timbul.

Cermin sejarah mengajar kita untuk tidak mengharap penyelesaian berasaskan sentimen serumpun sebangsa tetapi mesti berasaskan kepada persefahaman politik, ekonomi dan keselamatan serantau dan antarabangsa.

Sekalipun Presiden Suharto telah merintis jalan ke arah ini tetapi pengisian masih belum mencapai peringkat kekuatan dan kestabilan yang meyakinkan tetapi jika kedua pihak terus bersikap positif maka masalah yang timbul akan dapat diselesaikan secara yang konstruktif dan memberikan faedah ekonomi kepada kedua pihak, baik ia masalah T.K.I. ataupun Ambalat.



SUSILO Bambang Yudhoyono (kiri) bersalaman dengan Abdullah Ahmad Badawi di Istana Presiden, Jakarta pada Januari 2005.

- Reuters

Hubungan Malaysia dan Indonesia telah melalui berbagai zaman. Zaman kenangan manis saya dalam hubungan ini ialah zaman kebangkitan yang penuh romantik, retorik dan emosi dalam arena politik, sastera dan budaya seawal tahun 1950-an

Hubungan bilateral Malaysia-Indonesia masa kini berada di tahap yang paling baik. Ini hakikat yang diakui sendiri oleh pucuk pimpinan kedua-dua negara, baik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahupun oleh Presiden Susilo Bambang Yudhoyono.

Begitu juga di peringkat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Wakil Presiden Jusuf Kalla. Ini dengan jelas kita lihat semakin berterusan hingga ke peringkat menteri dan para pegawai tinggi pentadbiran kedua-dua negara.

Lebih 3,600 pelajar Malaysia termasuk daripada bukan keturunan Melayu, sedang melanjutkan pelajaran di 17 kampus di merata Indonesia. Kebanyakannya dalam bidang perubatan, iaitu kedokteran, farmasi dan pergigian.

Manakala pada masa ini Malaysia juga menjadi tuan rumah atau rumah kedua bagi lebih 14,000 pelajar Indonesia di pelbagai peringkat dari peringkat sijil hingga diploma hingga ijazah pertama dan sarjana, malah doktor falsafah.

Medium bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa bidang perubatan di beberapa universiti di Indonesia telah menambah keyakinan dan penilaian masyarakat Malaysia untuk menghantar anak-anak belajar di Indonesia.

Indonesia mestilah melihat aspek-aspek dan kawasan yang boleh meningkatkan lagi pasaran ekonominya. Pelajaran adalah satu cabang yang ternyata amat *promising* dan berpotensi untuk dimajukan lagi dengan penambahan kualiti dan kemudahan tempat tinggal dan kos pembelajaran yang menarik.

Dari segi pelancongan atau wisata lebih 1.3 juta rakyat Indonesia melancong atau berkunjung dan berlibur di Malaysia sepanjang tahun 2006. Kini pada tahun 2007, Malaysia berhasrat menyambut tidak kurang 2 juta rakyat Indonesia.

Manakala Indonesia pula menerima kunjungan tidak kurang 570,000 pelancong Malaysia pada tahun 2006, suatu peningkatan lebih 25 persen berbanding tahun 2005. Jumlah rakyat Malaysia yang berkunjung ke Indonesia pada tahun 2007 juga dijangka meningkat sehingga 30 peratus.

Saya melihat dalam bidang ini, tidak ada promosi yang bersungguh-sungguh untuk menarik pelancong Malaysia ke Indonesia, sekalipun ke tempat terindah yang boleh didatangi oleh orang Malaysia dalam masa hanya 45 minit. Tidak ada promosi Bandung sebagai syurga membeli-belah dan Bukit Tinggi tanah indah paling dekat dengan Malaysia.

Rasa persahabatan yang akrab antara kita dan interaksi antara rakyat kedua-dua negara perlu dipertingkatkan menerusi pelancongan atau wisata, untuk saling mengenali negara tetangga dengan lebih dekat, saling menikmati kekayaan alam, keindahan, budaya dan adat resam negara satu sama lain yang akan membantu membina persefahaman terhadap pentingnya kemakmuran bersama.

Penerbangan langsung tambang murah antara Malaysia dan Indonesia yang diterokai oleh AirAsia telah menjadi unsur dinamik yang meningkatkan pelancongan orang Malaysia ke Bali, Solo, Surabaya, Medan, Padang dan Bandung dan sebaliknya.

Hubungan perdagangan dua hala Malaysia-Indonesia pula menyaksikan tahun 2006 mencatatkan sejarah baru apabila Malaysia muncul

sebagai pelabur terbesar di Indonesia dengan nilai pelaburan mencapai AS\$2.6 bilion.

Selain itu, satu lagi senario yang tidak dapat dihapuskan ialah Malaysia kini menampung kira-kira 1.8 juta tenaga kerja Indonesia, baik yang melalui saluran yang sah mahupun secara haram, yang mencari rezeki untuk membina kehidupan keluarga mereka di sini.

Majoriti rakyat Indonesia yang masuk ke Malaysia sama ada secara sah berhasil mengumpul wang sehinggakan statistik Indonesia sendiri menunjukkan pengiriman wang oleh mereka yang pulang ke Indonesia atau apa yang disebut di Indonesia sebagai 'devisa' mencecah trilion Rupiah setiap tahun.

Bagaimanapun aspek ini kurang diketahui oleh rakyat Indonesia kerana media massa Indonesia memilih untuk tidak melaporkan kejayaan atau keberhasilan mereka itu atau impak keberhasilan mereka di Malaysia terhadap pertumbuhan ekonomi keluarga dan ekonomi Indonesia sendiri sebaliknya yang lebih ditonjolkan baik akhbar atau *koran* mahupun televisyen ialah berita yang hanya melibatkan segelintir tenaga kerja Indonesia (T.K.I.) yang didera majikan, yang tidak dibayar gaji dan yang di 'razia' dan dihantar pulang kerana masuk ke Malaysia secara haram.

Diimbangi

Kejadian seperti itu hanya melibatkan 0.0001 persen daripada jumlah TKI di Malaysia. Sebagai bekas wartawan dan juga sekarang ini Menteri Penerangan, saya tidak menyalahkan media Indonesia membesarkan berita-berita ini, kerana "anjing menggigit manusia, bukan berita, tetapi sebaliknya jika manusia menggigit anjing itu adalah berita." Tetapi seharusnya berita itu diimbangi dengan tindakan yang diambil terhadap mereka yang melakukan kekejaman.

Media Malaysia sendiri yang mendedahkan peristiwa ini dari semasa ke semasa adalah menunjukkan bahawa sebahagian besar rakyat Malaysia tidak bersimpati dengan perbuatan ganas dan tidak berperikemanusiaan. Saya tidak menyalahkan media Indonesia jika mendedahkan kelewatan kes-kes mengenainya dibicarakan di Malaysia.

Media massa, tidak seharusnya menjadi duri dalam daging dalam hubungan kedua-dua negara, tetapi seharusnya dapat membantu ke arah menyelesaikan krisis kemanusiaan dan yang timbul dari masa ke semasa dengan tidak bertujuan untuk membakar perasaan yang boleh menimbulkan prasangka buruk di kalangan umum dan memburukkan hubungan dua negara sebaliknya mencari jalan penyelesaian atas dasar saling hormat-menghormati.

Ketika Indonesia menghadapi bencana, Malaysia sering menjadi negara tetangga pertama menghulurkan bantuan kepada Indonesia, - dari gempa bumi dan tsunami di Aceh dan Nias, kemudian di Yogyakarta sehingga terbaru banjir besar di Jakarta - namun publisiti mengenainya amat kurang di akhbar dan televisyen Indonesia.

Dengan mengenali kekuatan masing-masing banyak bidang-bidang yang

boleh kita gembungkan secara kerjasama berasaskan modal insan atau 'human capital' dan sumber alam kita, untuk membolehkan kita menunggangi arus globalisasi.

Bangsa Indonesia adalah bangsa yang berani, kuat bekerja, kreatif dan inovatif, memiliki seni budaya yang amat tinggi dan sejarah yang tua. Sebaliknya orang Melayu Malaysia takut memanjat bangunan tinggi, tidak suka membuat kerja berat, memilih pekerjaan dan tidak suka bekerja keras seperti orang Indonesia.

Mereka lebih suka untuk makan kangkung dan ulam-ulam yang tumbuh sendiri daripada menanam sayuran. Tanpa T.K.I dari Indonesia, Malaysia dengan keupayaan, kepakaran dari segi administratif, perancangan dan sumber kewangan akan menghadapi masalah, peralangan tidak bisa mengeluarkan hasil, sektor pembangunan tidak akan berkembang dan rumah tangga di Malaysia akan menghadapi masalah tanpa pembantu rumah.

Suharto dan Adam Malik telah membawa keluar Indonesia daripada kongkongan ekonomi sosialis dan merintis jalan ke arah perkongsian nilai yang keutamaannya kepada kerjasama ekonomi serantau dengan pasaran terbuka.

Beliau telah mengalihkan hubungan pahit zaman Sukarno kepada hubungan manis serantau dalam ASEAN, dan sekarang Susilo Bambang dan Abdullah sedang memberikan pengertian besar kepada hubungan ini.

Tidak seperti yang lain-lainnya, SBY berjaya membangunkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap kejujurannya, kesungguhannya, komitmennya untuk membangunkan ekonomi, bangsa dan negara Indonesia. Maka itu Malaysia menjadi pelabur terbesar di Indonesia sekarang.

S.B.Y. dan Abdullah Badawi bersama dapat melampaui batas sentimen perkauman yang sempit tetapi melihat 'survival' hubungan serumpun dalam konteks kekuatan ekonomi dan ilmu.

Keakraban dalam hubungan kedua-dua Negara, interaksi yang lebih banyak dan lebih kerap akan membolehkan kita mengenali lebih banyak nilai-nilai kekuatan masing-masing yang boleh disatukan bagi membina kekuatan bersama dan mengetepikan nilai-nilai tradisi yang melembapkan dan menidurkan.

Malaysia dengan ikhlas mengharapkan sebuah Indonesia yang kaya dan makmur kerana kestabilan dan kekayaan Indonesia akan menyumbang kepada pembangunan kuasa baru Asia yang akan dapat mengimbangi peredaran kuasa-kuasa besar dunia bagi menjamin keselamatan Asia dan merealisasikan *Zone of Peace* yang merupakan cita-cita asal ASEAN sekian lama.

☐ TEKS ini telah disampaikan di Majlis Panel Diskusi 'Dinamika 50 Tahun Hubungan Diplomatik Indonesia-Malaysia', di Universiti Padjajaran, Bandung, Indonesia pada 30 Jun 2007.